KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA 13 NOVEMBER 2025

PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA DI ANTARA LALUAN PUTRAJAYA-BANDAR SAUJANA PUTRA, KM19.5-KM18.0 DI LEBUHRAYA ELITE UNTUK KERJA–KERJA PEMASANGAN PAIP AIR

Petaling Jaya, 13 November 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa laluan kontra akan diaktifkan di antara laluan Putrajaya – Bandar Saujana Putra di KM19.5 hingga KM18.0 di Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE) pada 17 November hingga 20 November 2025, mulai 11.00 malam sehingga 5.00 pagi setiap hari dalam tempoh tersebut, bagi melaksanakan kerja-kerja pemasangan paip air oleh kontraktor pihak ketiga.

(Sila rujuk Infografik seperti di lampiran)

Pengguna lebuh raya disarankan supaya merancang perjalanan sepanjang tempoh tersebut. Pengguna juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuh raya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi PLUS, Pembantu Maya PUTRI, Aplikasi X@plustrafik atau Papan Tanda Elektronik (VMS) di Lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	**Rofina Adam** Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my

LAMPIRAN


PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA DI LALUAN PUTRAJAYA-BANDAR SAUJANA PUTRA, KM19.5-KM18.0 DI LEBUHRAYA ELITE UNTUK KERJA-KERJA PEMASANGAN PAIP AIR
Dijadualkan pada 17 November - 20 November 2025, mulai 11.00 malam hingga 5.00 pagi
Rumah Selangorku
Lebuhraya ELITE (Arah Selatan/Putrajaya/KLIA)
KM19.5
KM18.0
KAWASAN KERJA
Lebuhraya ELITE (Arah Utara/Bandar Saujana Putra/Klang/Ipoh)
Bandar Saujana Putra
Petunjuk:
Kawasan kerja dan penutupan
Penghadang jalan plastik
Arah aliran kenderaan
Arah lencongan kenderaan
Sila patuhi arahan pengawal/papan tanda trafik di lokasi demi keselamatan bersama.
Ikuti kami di media sosial
www.plus.com.my
PLUSLine 1800-88-0000
Aplikasi PLUS
PUTRI
Ahli Kumpulan UEM